

Headline	Dua undang undang tanah, Hakmilik Strata akan dipinda		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	20 Jan 2016	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	21	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	209 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,748
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,244



# Dua undang-undang tanah, Hakmilik Strata akan dipinda

**PUTRAJAYA 19 Jan.** - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan membentangkan pindaan undang-undang ke atas Akta Pengambilan Tanah 1960 dan Hakmilik Strata 1985 pada sidang Parlimen April ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, pindaan terhadap dua undang-undang itu turut melibatkan perubahan ke atas Kanun Tanah Negara (KTN) 1965.

Beliau berkata, semakan semula ke atas undang-undang tersebut adalah untuk mengatasi kelemahan yang ada dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan telah dipertanggungjawabkan untuk melakukan semakan tersebut.

“Banyak undang-undang dalam kementerian ini yang saya lihat memerlukan perubahan atau pindaan. Undang-undang tanah dan hak milik ini telah digubal lebih daripada 40 tahun lalu dan

kerana itu sudah tiba masanya untuk dilakukan pindaan.

“Cadangan pindaan akta-akta tersebut diharapkan dapat membantu kerajaan untuk menambah baik perkhidmatan pengurusan tanah,” katanya selepas menghadiri majlis perhimpunan bulanan kementerian itu, di sini hari ini.

Yang hadir sama, timbalannya, Datuk Hamim Samuri dan Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Seri Azizan Ahmad.

Wan Junaidi menjelaskan, antara faktor Akta Pengambilan Tanah dipinda adalah untuk memberi keadilan kepada semua pihak termasuk pemilik tanah.

Sementara pindaan terhadap Akta Hakmilik Strata pula jelas beliau, adalah untuk membantu pembeli rumah mendapatkan strata bagi kediaman jenis pangsapuri.

Jelasnya, berdasarkan maklumat kementerian sebanyak 200,000 pemilik rumah tiada milikan strata.

“Jika saya membeli pangsapuri pada sekitar tahun 2008 dengan harga RM50,000 dan mahu menjualnya, saya tidak dapat menjual pada harga yang tinggi. Namun dengan adanya milikan strata, nilai rumah boleh meningkat sehingga lebih 30 peratus,” ujarnya.

Dalam pada itu beliau memberitahu, kementerian juga sedang melakukan kajian semula terhadap beberapa undang-undang lain seperti dasar air negara yang tumpuannya adalah pada aspek keselamatan dan pertambahan sumber air.

Selain itu, katanya, kemente-

rian juga berhasrat melakukan transformasi terhadap undang-undang di bawah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk membolehkan skop institut itu dipelbagaikan dalam usaha menjana pendapatan dan menjamin masa depan kepakaran yang ada.



**Cadangan  
pindaan akta-  
akta tersebut  
diharapkan  
dapat  
membantu  
kerajaan untuk  
menambah  
baik  
perkhidmatan  
pengurusan  
tanah.”**

**WAN JUNAIDI  
TUANKU JAAFAR  
Menteri Sumber  
Asli dan Alam  
Sekitar**

